

**TEKS UCAPAN  
WAKIL  
NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA FTK**

*6 Mac 2019 , Lobi FTK, 2.15 petang*

Terima Kasih Pengacara Majlis,

**Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Mohd Rahimi bin Yusoff**  
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik dan Komputer

**Yang Berusaha Ts. Dr. Umar Al-Amani bin Haji Azlan**  
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Timbalan-Timbalan Dekan, Ketua- Ketua Jabatan

Presiden FETSA FTKEE dan Presiden Champion FTKMP

Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina UTeM

Staf, Pelajar, Hadirin dan Hadirat sekalian.

Salam Sejahtera

Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam Y.Bhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM yang tidak dapat bersama-sama dalam majlis petang ini kerana mempengerusikan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan yang sedang berlangsung sekarang. Beliau berharap agar program ini berjalan lancar seperti mana yang dirancangkan.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

2. Masih tidak terlambat untuk saya ucapkan “XIN NIAN KUAILE” DAN “GONG XI FA CAI” kepada hadirin dan hadirat sekalian.
3. Inilah keunikan negara kita Malaysia, kita hidup dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai kaum, bangsa dan agama dalam keadaan aman dan harmoni. Kita boleh meraikan semua perayaan termasuklah Tahun Baru Cina dengan penuh rasa muhibah dan meriah. Justeru, kita seharusnya bersyukur di atas nikmat yang kita miliki ini.

4. Sememangnya, Tahun Baru Cina merupakan salah satu perayaan yang terpenting bagi orang Cina. Namun begitu, ramai dari kalangan kita menerima sambutan ini sebagai suatu tradisi semata-mata tanpa melihat pengajaran di sebalik sesuatu perayaan itu. Sebenarnya pengertian ini amat penting kerana jika ia tidak difahami dengan betul, maka sesuatu perayaan itu akan hanya tinggal sebagai suatu "ritual" semata-mata tanpa apa-apa makna. Maka wajarlah bagi kita untuk sentiasa cuba memahami pengajaran di sebalik sesuatu perayaan yang kita sambut bersama.

5. Asal usulnya perayaan ini adalah untuk meraikan musim bunga dan ketibaan hasil tanaman yang lumayan. Dalam meraikan perayaan ini, masyarakat Cina akan berkumpul dan bersuka ria. Anak-anak akan pulang ke kampung, ke rumah ibu bapa mereka untuk memberi penghormatan kepada generasi tua dalam keluarga mereka. Ini sebenarnya membayangkan kepada kita kedudukan tinggi yang diletakkan oleh masyarakat Cina kepada orang-orang tua mereka dan kepada institusi keluarga. Sikap hormat menghormati dan berbudi bahasa diberi penekanan yang tinggi dalam budaya masyarakat Cina. Di sini kita dapat melihat bahawa amalan ini adalah sama seperti amalan kaum-kaum lain di negara kita sama ada masyarakat Melayu mahupun India. Budaya

dan adat resam setiap masyarakat juga turut menekankan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

6. Kini, perayaan Tahun Baru Cina telah disambut bersama-sama dengan seluruh rakyat yang berbilang kaum, termasuklah warga UTeM sendiri khususnya di FTKEE dan FTKMP. Tahniah dan syabas diucapkan kepada kepada kedua-dua fakulti ini kerana menjadikan majlis ini sebagai acara tahunan yang secara langsung dapat memupuk semangat perpaduan, toleransi beragama dan keharmonian antara kaum.

7. Saya yakin, majlis seumpama ini juga dapat memberi peluang kepada para mahasiswa dan mahasiswi dapat mengenali budaya kaum cina dengan lebih dekat dan mendalam. Selain itu, ia juga dapat mencetuskan persefahaman yang lebih erat antara kaum selain memupuk sifat kepimpinan serta mencungkil bakat yang ada pada diri para pelajar.
  
8. Justeru itu, marilah kita bertekad untuk memperbaharui diri kita dan melangkah ke arah kebaikan, khususnya dalam perhubungan kita antara satu sama lain. Jika kita semua, tanpa mengira kaum agama dan bangsa, mengambil langkah ini, pasti, hubungan kita antara satu sama lain akan lebih erat dan perpaduan yang menjadi



lambang kejayaan kita akan terus teguh dan kukuh demi menjamin masa depan negara kita yang sejahtera.

9. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada FETSA, CHAMPION dan Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina UTeM serta seluruh warga FTKEE dan FTKMP kerana telah sekali lagi berjaya menganjurkan majlis pada petang ini.
  
10. Marilah kita bekerjasama dan berganding bahu demi kesejahteraan dan kemakmuran kita bersama.

Sekian, terima kasih.